

20 JUL 1999

Mahathir-Menangis

DR MAHATHIR SEBAK MENGENANG PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menahan rasa sebaknya apabila mengenangkan jurang perbezaan pencapaian akedemik antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini.

Sambil menangis Perdana Menteri merayu kepada para guru supaya memberi penekanan kepada usaha mengimbangi pencapaian murid-murid itu.

Jurang perbezaan itu sekiranya dibiarkan boleh menimbulkan ketidak-stabilan politik di negara ini suatu hari nanti, kata beliau ketika merasmikan Citibank Smart Lab di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma di sini hari ini.

"Kalau keadaan ini dibiarkan, suatu hari nanti akan timbul iri hati di kalangan rakyat dan seterusnya wujud ketidak-stabilan politik.

"Pencapaian akademik kaum bumiputera masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain," katanya.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, pencapaian akedemik itu berbeza kerana perbezaan budaya.

"Ada satu kaum yang berusaha bersungguh-sungguh menguasai ilmu dan satu kaum lagi mudah terpesong dengan kegiatan yang tidak memerlukan akal fikiran," katanya.

Murid-murid itu, sebagai contoh, lebih menumpukan perhatian kepada kegiatan berdemonstrasi.

Oleh itu pencapaian pelajar bumiputera yang lemah menjadi semakin lemah dan seterusnya jurang perbezaan itu menjadi semakin besar, katanya.

Dr Mahathir terpaksa memendekkan ucapannya kerana tangisannya itu dan apabila beliau duduk semula di pentas orang kenamaan, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kelihatan menepuk belakang beliau untuk menenteramkannya.

Sebelum itu, beliau berkata penguasaan ilmu terutamanya yang berkaitan teknologi maklumat amat perlu untuk tidak menjadikan diri seseorang dikuasai oleh orang yang lebih berilmu.

"Kita tidak mahu ketinggalan dan tunduk kepada mereka (orang yang lebih berilmu)...sebab itulah kerajaan menitikberatkan pendidikan teknologi maklumat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata kos untuk menyediakan peralatan teknologi maklumat itu amat tinggi dan kerajaan tidak mampu menyediakannya di semua sekolah di negara ini.

Katanya, penglibatan badan-badan korporat seperti Citibank amat dihargai walaupun ia belum mencukupi dan pelajar-pelajar diseru menggunakannya dengan semaksima mungkin.

"Kita akan rugi jika membazirkan peralatan ini... oleh itu saya menyeru kepada pelajar untuk menggunakan sepenuh masa ke arah menguasai ilmu pengetahuan yang canggih ini," katanya.

Beliau berkata guru-guru juga disaran untuk menguasai ilmu itu agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan ke arah melahirkan murid-murid yang celik komputer.

Ilmu ini sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan ia kini diguna pakai dalam semua urusan melibatkan pentadbiran, perniagaan, perhubungan dan sebagainya, katanya.

"Dalam zaman mencabar ini, ia sentiasa berubah pantas dan sukar untuk kita mengejanya. Prestasinya sentiasa dipertingkatkan dan teknologinya sentiasa diperbaharui," katanya.

Dr Mahathir turut memberi contoh bagaimana urusan perniagaan dijalankan melalui Internet dan ini memberi kesan kepada kerajaan untuk mengesan siapa yang bertanggungjawab kepada perniagaan itu.

Beliau berkata kerajaan mesti mengawasi siapa yang bertanggungjawab dalam urusan perniagaan itu untuk mengetahui siapa yang untung dan siapa yang rugi bagi urusan percukaian.

Katanya, jika tidak diawasi, kerajaan akan rugi kerana berlakunya penipuan dan untuk mengelakkan perkara itu terjadi, penguasaan dalam ilmu itu amat diperlukan.

-- BERNAMA

TEAM NMO